

BN tawan Kemumin dan Selising

KOTA BHARU, Khamis — Barisan Nasional (BN) menawan kembali kedua-dua kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Kemumin dan Selising apabila kedua calonnya masing-masing memenangi pilihanraya kecil di kawasan itu dengan majoriti 662 dan 2,514 undi.

Kedua calon Hamim hilang wang pertaruhan masing-masing. Bagi kawasan Kemumin calon BN, Encik Umar Ibrahim mendapat 4,389 undi mengalahkan calon Pas, Che Hassan Che Ishak yang mendapat 3,727 undi dan calon Hamim, Encik Mohd Shukry Abdul Rahman pula mendapat 159 undi.

Encik Umar memenangi pilihanraya kecil itu dengan majoriti 662 undi.

Undi rosak ialah 66. Seramai 4,341 pengundi atau 69.72 peratus membuang undi mereka di kawasan itu.

Keputusan itu diumumkan oleh Pegawai Pengurus Pilihanraya kawasan itu, Haji

Ghazali Haji Ahmad tepat jam 12 tengah malam. Pengiraan undi di Dewan Maktab Sultan Ismail Kota Bharu itu dijalankan hanya sekali.

Bagi kawasan Selising calon BN, Wan Mohamad Wan Abu Bakar mendapat 5,734 undi mengalahkan ca-

lon Pas, Drs Abdul Rahman Haji Ahmad yang mendapat 3,220 undi dan calon Hamim, Encik Mohd Nawi Awang mendapat 161 undi.

Wan Mohamad memenangi pilihanraya kecil itu dengan majoriti 2,514 undi. Undi rosak ialah 48. Seramai 9,164 pengundi atau 74.93 peratus pengundi keluar membuang undi.

Keputusan dibuat oleh Pegawai Pengurus Pilihanraya kawasan itu, Haji Ariffin Haji Daud jam 12.10 tengah malam di Dewan Majlis Bandaran Pasir Puteh setelah pengiraan dijalankan hanya sekali.

Pengiraan undi di dua kawasan itu bermula kira-kira jam 8 malam.

Pilihanraya kecil itu diadakan berikutan keputusan Mahkamah Tinggi menolak sebagai tidak sah kemenangan tanpa bertanding dua calon Pas dalam pilihanraya umum tahun lalu.

Terdahulu itu, pengundian di dua kawasan itu berjalan lancar bila 23 pusat pembuangan undi itu dibuka mulai jam 8 pagi tadi.

Sehingga tengah hari, jumlah pengundi yang keluar membuang undi melebihi 50 peratus bagi setiap

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia